

Hari Kanak-Kanak Dan Minggu Eksplorasi Kerjaya Disambut Meriah Di SK Layang-Layangan



Labuan, 29 November 2024 – Sepanjang lima hari berturut-turut, SK Layang-layangan telah berjaya menganjurkan Sambutan Hari Kanak-kanak dan Minggu Eksplorasi Kerjaya Peringkat Sekolah dengan penuh gilang-gemilang. Program yang berlangsung dari 25 hingga 29 November ini mengetengahkan pelbagai aktiviti menarik yang bukan sahaja menghiburkan tetapi juga mendidik murid-murid untuk lebih mengenali potensi diri dan kerjaya masa depan.

Acara lima hari ini dirangka khas untuk memberi pendedahan awal kepada murid-murid tentang dunia pekerjaan, di samping menyemai nilai-nilai murni sempena Hari Kanak-kanak. Program ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran bahawa setiap kanak-kanak merupakan aset berharga kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Penganjuran program ini merupakan salah satu hasil usaha gigih pihak sekolah yang ingin memberikan pengalaman pembelajaran luar bilik darjah yang bermakna kepada semua murid.

Acara dimulakan pada hari Isnin dengan aktiviti Panggung SKLL: Memoir Seorang Guru. Tayangan filem ini mengisahkan perjalanan hidup seorang guru yang berdepan dengan pelbagai cabaran sebagai pendidik, memberikan kesedaran kepada murid untuk menghargai jasa seorang insan bergelar guru.

Selain itu, pertandingan kreatif seperti mewarna kerjaya, melukis poster kerjaya, dan eksplorasi Matematik turut diadakan. Aktiviti ini bukan sahaja merangsang kreativiti murid tetapi juga membantu mereka mengenal pasti pelbagai jenis kerjaya yang berkaitan dengan minat masing-masing.



Suasana ketika tayangan filem bagi aktiviti Panggung SKLL: Memoir Seorang Guru



Murid-murid berpeluang mencuba pelbagai aktiviti menarik semasa Eksplorasi Matematik



Suasana ketika tayangan filem bagi aktiviti Panggung SKLL: Memoir Seorang Guru



Murid-murid berpeluang mencuba pelbagai aktiviti menarik semasa Eksplorasi Matematik

Hari Selasa menjadi medan untuk murid-murid mempamerkan bakat mereka. Aktiviti sukaneka yang menyeronokkan

dilaksanakan khusus untuk murid Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3), manakala aktiviti Kenali Seni Budaya, memberi peluang kepada murid-murid Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) untuk mempelajari tarian tradisional (joget) serta berhibur dengan permainan warisan tempatan seperti dam haji, congkak, sepak bulu ayam, lompat getah dan batu seremban.

Tidak ketinggalan, SKLL Got Talent yang telah memukau penonton dengan pelbagai persembahan kreatif seperti pertandingan nyanyian dan Magic Show. Kemuncak hari itu pula ialah drama bahasa Inggeris oleh murid-murid Tahun 6 yang mengetengahkan mesej motivasi dan nilai-nilai murni.



Aktiviti sukaneka Tahap 1



Acara senamrobik seawal 7:30 pagi



Aktiviti sukaneka Tahap 1



Persembahan English Drama daripada Tahun 6



Permainan tradisional sepak bulu ayam



Permainan tradisional congkak

Pada hari Rabu, suasana menjadi lebih meriah dengan Pertandingan Fashion Show Kerjaya. Murid-murid tampil dalam pelbagai kostum yang melambangkan profesi pilihan mereka, seperti doktor, juruterbang, polis dan usahawan. Pertandingan ini bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga memberi peluang kepada murid untuk membayangkan diri mereka dalam kerjaya yang diimpikan.

Selain itu, program Bicara Kerjaya: Kenali Dunia Penyiaran turut dijalankan. Seorang penceramah yang berpengalaman dalam bidang komunikasi dan media, iaitu Puan Noor Affatizah Sabtu, Ketua Bahagian Rancangan, Jabatan Penyiaran Negeri WP Labuan, telah dijemput untuk berkongsi pengalaman bekerja dalam industri penyiaran.

Hari Khamis menjadi kemuncak minggu tersebut apabila pelbagai agensi dan jabatan kerajaan menyertai Pameran Kerjaya. Antaranya ialah Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan Labuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Murid-murid berpeluang untuk berinteraksi dengan pegawai-pegawai daripada pelbagai bidang untuk memahami lebih lanjut tentang tugas mereka. Selain itu, aktiviti seperti Talk Show Kerjaya, Usahawan Cilik serta Pertandingan

Tulisan Jawi dan Khat turut memeriahkan suasana. Program-program ini berjaya menunjukkan kepada murid-murid bahawa dunia kerjaya sangat luas dan setiap bidang mempunyai keunikan tersendiri.



Murid-murid memperagakan pakaian kerjaya pilihan masing-masing



Penceramah jemputan, Puan Noor Affatizah memberikan perkongsian mengenai dunia penyiaran



Suasana sekitar pameran kerjaya



Suasana sekitar pameran kerjaya



Pelbagai jabatan dan agensi yang dijemput dalam pameran kerjaya



Salah seorang penceramah jemputan memberi perkongsian bagi sesi Talk Show Kerjaya

Program berakhir pada hari Jumaat dengan acara memotong kek beramai-ramai, nyanyian lagu Selamat Hari Lahir, penyampaian hadiah bagi setiap pertandingan yang telah dilaksanakan serta penangguhan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kanak-Kanak dan Raikan Permata. Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian dari kumpulan Rumpun Seni Layangan (RSL).

Walaupun program ini hanya diadakan di peringkat sekolah, impaknya dirasakan sangat besar. Warga SK Layang-layangan berharap murid-muridnya dapat memahami bahawa setiap usaha kecil hari ini adalah asas kepada kejayaan masa depan. Sambutan Hari Kanak-kanak dan Minggu Eksplorasi Kerjaya pada kali ini dilihat telah berjaya membuka ruang kepada setiap murid untuk membina impian mereka dan menyusun langkah ke arah merealisasikannya.



Suasana sekitar hari terakhir Sambutan Hari Kanak-kanak



Persembahan tarian pembukaan dari Rumpun Seni Layangan (RSL)

Berita Oleh : SK Layang – Layangan

**SK Layang-Layangan
Serlahkan Bakat Murid Di
Kolokium Kajian Tindakan**



Labuan, 24 November 2024 – Kehebatan murid-murid SK Layang-layangan diserlahkan apabila mereka berjaya mempamerkan bakat dan kreativiti dalam Kolokium Kajian Tindakan Peringkat Negeri yang berlangsung di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan. Melalui pembentangan dua kajian tindakan, murid-murid sekolah ini bukan sahaja dipupuk untuk menyerlahkan potensi mereka, tetapi juga berupaya memberikan inspirasi kepada murid-murid lain serta komuniti pendidikan dengan pendekatan kreatif yang diketengahkan.

Kolokium ini merupakan sebahagian daripada acara Karnival 50 Tahun Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan yang disambut dengan penuh gilang-gemilang dan bertujuan untuk mempromosikan kajian tindakan sebagai pendekatan penyelesaian masalah yang proaktif dan kreatif dalam bidang pendidikan. Oleh itu, SK Layang-layangan telah menghantar dua pasukan murid yang dikenali sebagai The Mathionaires dan The Fractionators, masing-masing membawa inovasi unik dalam

membantu meningkatkan penguasaan mata pelajaran Matematik.

Pasukan The Mathionaires terdiri daripada Nur Dania Rizqin binti Abdullah dan Nur Nadhirah tul Adwa binti Mohd Ma'arof, kedua-duanya murid Tahun 6 Sarjana. Kajian mereka, *Meningkatkan Kemahiran Operasi Asas Matematik Melalui Penggunaan Teknik Pasangan Nombor dalam Kombinasi 10*, memfokuskan kepada membantu murid-murid memahami asas operasi Matematik secara lebih mudah dan interaktif.

Sementara itu, pasukan The Fractionators yang dianggotai oleh Muhammad Ammar Zayyad Zulkazfliza bin Abdul Majid dan Nur Afiqah Solehah binti Muhammad Khairul dari Tahun 5 Sarjana serta Fairy Lily Gabriel dari Tahun 5 Bestari telah membentangkan kajian tindakan yang bertajuk *Petak Pecahan Pintar: Meningkatkan Penggunaan dalam Menukar Pecahan Tak Wajar kepada Pecahan Bercampur dan Sebaliknya*.

Inovasi yang diperkenalkan melalui kedua-dua kajian ini telah berjaya menarik perhatian orang ramai kerana kebolehgunaannya dalam membantu murid menguasai konsep asas operasi tolak dan konsep pecahan dengan lebih baik. Kedua-dua kumpulan ini dibimbing oleh Cikgu Shamsuria binti Ebni, Guru Besar SK Layang-layangan yang juga merupakan jurulatih utama program Kajian Tindakan 12 Langkah (KT12L), bersama-sama Cikgu Thasmawaty binti Aripin.



Dari kiri: Nur Nadhirahtul Adwa, Nur Dania Rizqin, Cikgu Shamsuria, Fairy Lily, Muhammad Ammar Zayyad, Nur Afiqah Solehah dan Cikgu Thasmawaty

Selain mempamerkan kebolehan murid dalam melaksanakan kajian tindakan, SK Layang-layangan turut menerima anugerah apabila memenangi kategori Reruai Paling Menarik, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM200. Reruai mereka yang memaparkan mengenai inovasi Matematik disusun secara kreatif dan interaktif, berjaya menarik perhatian ramai pengunjung sepanjang acara berlangsung.

Kolokium ini yang juga bertujuan memberikan pendedahan mendalam tentang kajian tindakan dalam pendidikan telah berupaya memupuk kemahiran murid dengan kaedah pembelajaran yang lebih proaktif, kreatif dan inovatif. Selain itu, kemahiran pembentangan yang ditonjolkan oleh para peserta juga memainkan peranan penting dalam membentuk keyakinan mereka.

Justeru, penglibatan SK Layang-layangan dalam kolokium kali ini membuktikan komitmen sekolah untuk terus memajukan pendidikan muridnya melalui pendekatan kreatif dan penyelesaian masalah yang berkesan. Meskipun acara ini telah melabuhkan tirainya, semangat dan dedikasi yang ditunjukkan oleh murid-murid SK Layang-layangan diharap

dapat diteruskan dalam program-program akan datang. Pasukan sekolah kini berhasrat untuk terus memperbaiki kualiti kajian serta inovasi mereka, dengan harapan dapat membawa penyelesaian pendidikan ini ke peringkat yang lebih tinggi.



Pasukan SK Layang-layangan menerima medal penyertaan



Pasukan SK Layangan-layangan telah ditemu ramah oleh pihak RTM



Pengunjung yang berani mencuba inovasi Matematik di reruai SK Layang-layangan telah diberikan hadiah



Suasana ketika pembentangan dan penilaian kajian tindakan dijalankan



Suasana sekitar reraui SK Layang-layangan



Suasana ketika pembentangan dan penilaian kajian tindakan dijalankan

Berita Oleh : SK Layang – Layangan

**Seramai 90 pelajar
menyertai Perkhemahan
Perdana Badan Beruniform**

SMK Labuan Tahun 2024



LABUAN: Seramai **90 pelajar SMK Labuan** telah melibatkan diri dalam Perkhemahan Perdana Badan Beruniform SMK Labuan baru-baru ini.

Sebanyak lapan Badan Beruniform yang terlibat iaitu Kadet Jabatan Pengangkutan Jalan Raya (JPJ), Pasukan Kadet Bersatu Malaysia Darat (PKBM Darat), Kadet Remaja Sekolah, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BBSM), Pengakap, Puteri Islam, Kadet Bomba dan Kadet Polis.

Perasmian penutupan perkhemahan ini telah disempurnakan oleh pengetua SMK Labuan, **Encik Mohd Nizam bin Yasim**. Beliau sempat menyatakan ucapan syabas dan tahniah kepada pelajar yang berjaya melibatkan diri sepanjang perkhemahan ini berlangsung. Tambahnya lagi, pelajar yang telah berjaya menghabiskan perkhemahan ini secara tidak langsung telah melatih diri mereka untuk membentuk kebergantungan terhadap diri sendiri, tidak mudah berputus asa, dan mampu untuk menyelesaikan masalah pada masa akan datang.

"Tahniah kepada pelajar yang telah berjaya menghabiskan perkhemahan ini kerana kamu telah membentuk kebergantungan terhadap diri sendiri, berpisah daripada keselesaan rumah, dan tidak mustahil di luar sana nanti kamu bukan sahaja mampu untuk menjadi pelajar hebat tetapi juga pelajar yang mampu menyelesaikan sesuatu masalah", jelas beliau.



Pertandingan Kawad Kaki



Pertandingan Larian Berhalangan

Perkhemahan yang berlangsung selama 3 hari 2 malam itu (29 dan 30 November – 01 Disember) diisi dengan pelbagai aktiviti yang memupuk sikap kepimpinan dan kerjasama antaranya Pertandingan Larian Berhalangan, Pertandingan Kawad Kaki, Malam Kesenian dan Ikhtiar Hidup.

Turut memberi ucapan mewakili peserta perkhemahan, penghulu peserta, Mohd Khairy Hakim bin Mansul yang menyatakan rasa terima kasih kepada guru-guru yang telah bertungkus lumus menguruskan perkhemahan tersebut dan mengajar mereka bahawa pentingnya semangat sepasukan yang kuat dalam menghadapi apa-apa cabaran.

Berita Oleh : SMK Labuan

Kolokium Kajian Tindakan Junior 2024: Pemenang-Pemenang Yang Menginspirasikan



Labuan, 24 November 2024 – Kolokium Kajian Tindakan Junior Peringkat Negeri 2024 yang diadakan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan WP Labuan pada 23 dan 24 November 2024 telah berlangsung dengan penuh meriah. Program yang dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) bersama Jabatan Pendidikan WP Labuan ini bertujuan melahirkan murid sebagai agen perubahan dalam pembelajaran mereka, dengan tema "*Transformasi Pembelajaran Melalui Kajian Tindakan: Murid Sebagai Peneraju Perubahan, Kemiskinan Bukan Penghalang Kejayaan.*"

Sebanyak 150 murid dari pelbagai sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil bahagian dalam kolokium ini. Mereka menggunakan teknik kajian tindakan 12 langkah yang dibangunkan oleh Puan Suriani Oxley, SISC+ dari Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan WP Labuan. Dalam kolokium ini, murid-murid tidak hanya didedahkan dengan proses kajian tindakan, tetapi juga diberi peluang untuk memamerkan hasil kajian mereka melalui pembentangan dan pameran.

Berikut adalah senarai pemenang bagi Kolokium Kajian Tindakan Junior 2024:

Kajian Tindakan Terbaik Sekolah Rendah:

LUBOQ JR – SK Lubok Temiang

Bedaun Starz – SK Sungai Bedaun

Sunan Lumya – SK Pantai

Kajian Tindakan Terbaik Sekolah Menengah:

Sinar – SMK Rancha-Rancha

Cendekia Hope – SM Sains Labuan

Atlas Pincanator – SMK Pantai

Pembentang Kajian Tindakan Terbaik Sekolah Rendah:

My Lever 321 – SK Pekan Dua

Pembentang Kajian Tindakan Terbaik Sekolah Menengah:

Al-Insyirah – SMA MAIWP Labuan

Slaid Pembentangan Kajian Tindakan Terbaik Sekolah Rendah:

The Sparkling Diamonds – SK Sungai Lada

Slaid Pembentangan Kajian Tindakan Terbaik Sekolah Menengah:

Alchemy Pioneers – SM Sains Labuan

Intervensi Kajian Tindakan Luwes Sekolah Rendah:

Bedaun Genius (WDW Card) – SK Sungai Bedaun

Intervensi Kajian Tindakan Luwes Sekolah Menengah:

Jeqaima – SM St Anne

Kolokium ini bukan sahaja menyediakan platform untuk murid berkongsi hasil kajian mereka tetapi juga memberi mereka peluang untuk membina kemahiran dalam pembentangan, penyelesaian masalah, dan pemikiran kritis. Hadiah dan penghargaan kepada para pemenang disampaikan oleh YBhg Tuan Haji Syed Kamarulzaman bin Syed Kabeer, Pengurus MAWIP, yang turut mengucapkan tahniah kepada semua peserta atas pencapaian mereka.

Dengan sokongan berterusan dari MAWIP dan pelbagai pihak, kolokium ini memberi peluang kepada murid untuk mengatasi cabaran pembelajaran dan memperkuuh keyakinan diri, menjadikan mereka bukan sahaja pelajar cemerlang, tetapi juga pemimpin masa depan yang berdaya saing.











